

RM5b laksana pelan dasar IP

Peruntukan bagi tiga fasa selama enam tahun dijalankan jawatankuasa utama

BH-20/12/2008

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Dasar Harta Intelek Negara yang akan dibentangkan kepada Kabinet awal tahun depan memperuntukkan RM5 bilion untuk melaksanakan pelan tindakan tiga fasa selama enam tahun yang berakhir 2012.

Setiap fasa membabitkan tempoh dua tahun itu memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, infrastruktur dan nilai ciptaan serta teknologi harta intelek (IP) sebagai enjin pertumbuhan baru bagi meningkatkan ekonomi dan sosial negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk

“Sepanjang 2007 perhatian tertumpu penguatkuasaan, pembangunan harta intelek, selain meningkatkan pengetahuan untuk menggunakan sumber semula jadi negara”

Mohd Shafie Apdal
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Mohd Shafie Apdal, berkata tiga jawatankuasa utama dicadangkan, termasuk Majlis Tindakan Harta Intelek Negara yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, jawatankuasa lain yang disenaraikan ialah Jawatankuasa Pemandu Harta Intelek Negara dan Jawatankuasa Pemantau Harta Intelek Negara untuk memastikan kelancaran pelaksanaan dasar itu.

“Dasar ini diperlukan untuk membentuk suasana yang memupuk ciptaan perlindungan, penguatkuasaan, pengurusan dan memaksimumkan eksploitasi harta intelek untuk meningkatkan pembangunan sosio ekonomi, daya saing dan membantu negara mencapai status negara maju.

“Malah, sepanjang 2007 perhatian akan diberikan bukan saja kepada aspek penguatkuasaan, pembangunan harta intelek, tetapi meningkatkan pengetahuan untuk menggunakan sumber semula jadi negara untuk menghasilkan pelbagai bahan alternatif,” katanya di sini, semalam.

Terdahulu, Mohd Shafie menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada 22 kakitangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Myipo). Hadir sama, Pengerusi Myipo, Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin dan Ketua Pengarah Myipo, Shuib Md Yusop.

Katanya, setakat ini, jawatankuasa pemandu ditubuhkan selepas

melantik pakar runding untuk menjalankan kajian berkaitan keperluan dasar itu.

Sementara itu, pada majlis penyampaian Anugerah Kedai Harga Patut 2006/2007 di sini, malam tadi, katanya kementerian memberikan

status Kedai Harga Patut kepada 442 syarikat yang terbabit dalam pelbagai bidang peruncitan bagi 2006/2007.

Katanya, jumlah itu dipilih daripada 1,128 permohonan yang diterima daripada syarikat peruncitan di seluruh negara.

Beliau berkata, jumlah permohonan yang besar berbanding hanya 180 ketika mula diperkenalkan pada 2003, menunjukkan syarikat peruncitan dan pengguna sangat menghayati kepentingan status Kedai Harga Patut.